Adakah melagukan al-Qur'ān seperti lagu-lagu Abdul Wahab atau Um Kalthum haram?

Pertanyaan dari:

Abdul Rahman bin Surandi,
Kampung Medan – Ulu Langat,
Selangor.

Ada sesetengah alim ulama di kampung saya mengatakan bahawa membaca al-Qur'ān dengan berlagu-lagu seperti suara orang mendendangkan lagu-lagu nyanyian Abdul Wahab dan Um Kalthum (kedua-dua penyanyi lagu-lagu Mesir yang terkenal hingga sekarang) itu adalah haram. Ada pula yang mengatakan tidak haram. Bagaimana pendapat tuan dalam masalah ini? Harap mendapat penjelasan dari tuan!

Jawab

Lagu-lagu al-Qur'ān yang tumbuh dari suatu ke suatu masa mengikuti sejarah al-Qur'ān, lama kelamaan menjadi suatu kesenian yang sangat digemari oleh orang-orang muslimin di seluruh dunia Islam. Ada setengah-setengah orang yang menganggap tidak begitu penting al-Qur'ān itu dibaca dengan berlagu-lagu, kerana lagu-lagu itu pada fikiran mereka mungkin merosakkan *makhraj* huruf dan mengurangkan bacaan yang baik daripada *ayāt-ayāt* suci al-Qur'ān , dan bagi mereka itu bukanlah lagunya yang penting tetapi isi kandungannya yang wajib difahami.

Malahan ada di antara para ulama yang memang melarang membaca al-Qur'ān itu dengan dilagu-lagukan, kerana yang demikian itu ditakuti merosakkan bacaan yang baik, sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Qur'ān sendiri dengan firman Allah yang bermaksud: "**Bacalah al-Qur'ān dengan dengan[1] sebaik-baiknya**."

Al-Sayūṭī berkata: "Setengah daripada bidaah yang baru dilakukan oleh orang-orang Islam pertama ialah membaca al-Qur'ān dengan menggerenekkan suara seperti bunyi suara orang yang menggeletar ataupun suara orang yang sedang kesakitan. Kedua seolah-seolah hendak diam waktu berhenti(*waqaf*), kemudian dilompatkan suara itu dengan *ḥarkat* seperti bunyi suara orang yang sedang berlari, ketiga didendang-dendangkan, dipanjangkan ditempat-tempat yang tidak panjang dan dipendekkan pada tempat-tempat yang tidak mesti dipendekkan. Yang keempat dihiba-hibakan suara waktu membacanya."

Pendapat ini pun tentu mempunyai alasan. Sebab sesungguhnya bukanlah lagu-lagu yang sedap-sedap dan merdu yang dipentingkan dari pembacaan al-Qur'ān itu, tetapi bacaaan yang baik, fasih, terang *makhraj* huruf yang dibacakan dan jelas bunyi kata-kata yang diucapkan satu persatu, sehinggan dengan jalan yang demikian dapatlah difahami orang yang mengerti bahasa Arab akan erti *ayāt-ayāt* yang dibacakan itu dengan terang dan jelas akan dapat dikaji maksud-maksudnya yang tinggi dan bernilai itu, meresap dan memberi bekas ke dalam jiwa para hadirin yang mendengarnya.

Kemudian sebaliknya ada pula ulama yang menganggap bahawa Islam tidak membenci kesenian, jika kesenian itu tidak merosakkan dasar kesucian Islam. Golongan ini melihat dalam lagu al-Qur'ān yang dibaca dengan suara yang merdu itu tersembunyi suatu mukjizat bagi Kitab Suci itu, dengan lagunya pun al-Qur'ān sudah dapat menggetarkan jiwa pendengar-pendengarnya, apalagi dengan ketebanggian[2] falsafah yang terkandung di dalam *ayāt-ayāt* suci yang dibacakan itu.

Di antara golongan ini termasuklah para ulama yang mengharuskan bacaan al-Qur'ān itu dilagu-lagukan, asal sahaja jangan berlebih-lebihan sehingga merosakkan bacaan itu. Di antara para ulama yang berpendapat demikian ialah Imam al-Shafi'ī, Imam Abū Hanifah dan Ibn Mubārak. Mereka mengemukakan pendapatnya dengan alasan daripada dua hadith Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* yang bermaksud: **"Perindahkanlah Qur'an itu dengan suaramu."** dan hadith yang lain bermaksud : **"Bukanlah dari golongan kami orang yang tidak melagukan Qur'an."**

Walaupun bagaimana digemari orang, walaupun bagaimana alasan-alasan yang

[1] Pengulangan perkataan dengan.

[2] Perkataan sebenarnya adalah ketinggian.

membolehkan melagukan-melagukan bacaan al-Qur'an itu, sudah tentu tidak boleh sampai melampaui batas bacaan yang baik mengikuti peraturan bacaan dari ilmu Tajwid. Sebab kalau sudah sampai mengubah kata-kata dan melampaui panjang pendek yang telah ditetapkan menurut hukum-hukum ilmu Tajwid, maka sudah pasti tidak ada seorang ulama jua pun yang membolehkannya. Di antara lagu-lagu Qur'an yang terkenal ialah: *Ḥusaynī, Raqbi, Sīkah, Maṣrī, Dūkah Banjākah, Nahawān, Rāzī, Ḥijāzī* dan *'Irāqī*.

Qari-qari dan *huffāẓ* (orang-orang yang hafaz Qur'an) yang ternama diseluruh dunia Islam biasanya diukur bukan sahaja dari segi fasih bacaanya, tetapi juga dari segi lagu-lagu yang dapat membuai, mengayun dan mempengaruhi jiwa para hadirin yang mendengar bacaannya itu.

Di negeri kita ini dari sejak beberapa tahun yang silam telah beberapa kali diadakan pertandingan-pertandingan membaca Kitab Suci peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Banyak para peserta yang datang menyertai pertandingan ini dari seluruh negara-negara Islam. Melihat kepada kemenangan-kemenangan yang telah dicapai oleh qari-qari dan qariah-qariah kita, selama delapan tahun berturut-turut ini membuktikan bahawa bacaan-bacaan al-Qur'an yang diperdengarkan oleh para qari dan qariah bangsa kita adalah bermutu tinggi, dan kita seluruh umat Malaysia yang beragama Islam sungguh merasa bangga di atas kejayaan-kejayaan gilang-gemilang yang telah dicapai oleh mereka itu.

Dari setahun ke setahun sebagaimana bertambah banyak bilangan para qari dan qariah kita muncul di tengah-tengah masyarakat Islam sedunia, kita berharap semoga dalam masa yang tidak berapa lagi kita akan dapat menandingi qari dan qariah dunia yang terkenal seperti Mesir, 'Arabīyyah Sa'udiyyah dan negeri-negeri Islam yang lain.

Pertanyaan dari:

Ilyas bin Jaafar,
Kampung Melayu Majidee,
Johor Bahru.

Kalau kita membuka lembaran kitab suci al-Qur'ān al-Karim kita dapati di antara *sūrah-sūrah*nya yang banyak itu ada satu *sūrah* yang tidak dimulai dengan *" Bismi Allahi al-Rahman al-Raḥīm."* Yaitu *Sūrah al-Barā'ah* ataupun dinamakan juga *Sūrah al-Tawbah*. Apa sebabnya? Diharap mendapat keterangan dari tuan!

Jawab

Menurut keterangan daripada Qatādah seorang ahli Tafsir yang mahsyur: *Sūrah al-Anfāl* dan *Sūrah al-Barā'ah* atau *Sūrah al-Tawbah* itu asalnya adalah satu surah yang tidak berasingan.

Kata Abī bin Ka'ab: Biasanya di tiap-tiap permulaan surah di dalam al-Qur'ān Rasulullah perintahkan supaya ditulis *"Bismi Allahi al-Rahman Al-Raḥīm."* Tetapi dipermulaan *Sūrah al-Barā'ah* Rasulullah tidak menyuruh orang menulis "*Bismi Allah*".

Ada pula pendapat lain yang mengatakan, bahawa sahabat-sahabat Nabi berselisihan faham tentang *Sūrah al-Anfāl* dan *al-Bara'ah*. Adakah satu surah ataupun dua surah? Sebahagian daripada mereka itu mengatakan satu surah dan sebahagian yang lain mengatakan dua surah. Lantaran itulah maka dipisahkan di antara dua surah yang tersebut dengan kosong supaya kelihatan seperti dua surah mengikut fahaman sebahagian sahabat-sahabat, dengan tidak dimulakan dengan "*Bismi Allah*" pada surah yang kedua supaya kelihatan satu surah menurut fahaman sahabat-sahabat yang lain.

Buku Baru. Istimewa.

RISALAH PENDIDEKAN DAN KELUARGA

Kumpulan dari kata2 dan nasihat yang berharga Al-Imam Al-Shahid Hassan Al-Banna Pemimpin Al-Ekhwanul-Muslimin yang mustahak di-jadikan panduan hidup di-dalam suatu masharakat Islam yang bergerak maju.

Mustahak di-bacha oleh pemuda dan pemudi Islam angkatan baru yang chintakan Islam.

Sa-buah $ 1.00

Pesan-lah kapada:
QALAM
8247, Jalan 225.
Petaling Jaya,
Selangor.